

AKHIR/ Jaguh silat ditentukan pagi ini.

Empat 'wira' negara - 2 AUG 1988 B. Harian (M) beradu tenaga

2

PERHITUNGAN maruah bagi menentukan siapa sebenarnya jaguh negara di kalangan empat pesilat Sukan SEA '89, ditentukan di perlawanan akhir Kejuaraan Silat Kebangsaan di Port Dickson, pagi ini.

Sebelum itu, pemenang pingat emas Silat Sedunia, Ahmad Wardi Salim, tanpa mengeluarkan setitik peluh, mengekalkan kejuaraan kali keempat kelas B, selepas pencabarnya, Azmi Manaf dari Terengganu, menarik diri kerana kecederaan lutut.

Pemenang pingat perak Sukan SEA lalu, Zakri Ibrahim dicabar oleh Ahmad Kushairi Ibrahim bagi mempertahankan kejuaraan Kelas D, manakala pemenang pingat perak Silat Sedunia, Mazliza Abu Bakar, ditentang oleh naib juara tahun lalu, Wan Amizah Wan Ahmad dari Kelantan.

Zakri, yang mewakili Gayung Malaysia, berkata: "Penyertaan Kushairi dalam Kelas D semata-mata untuk mencabar kewibawaannya. Saya sedia menamatkan kejaguan pemenang pingat emas Sukan SEA lalu itu dan tunggulah jawapannya esok," katanya semalam.

"Kushairi yang sebelum ini bertanding dalam Kelas C bertukar kelas semata-mata memberi laluan mudah kepada rakan senegerinya, Khairi Abdul Rahman, selain mencabar Zakri.

Sebaliknya, Wan Amizah disebut-sebut untuk menjuarai Kelas B bagi menyingkirkan Mazliza dari Gayung Fatani berdasarkan persembahannya yang semakin mantap berbanding lawannya yang tidak sehebat keupayaan di Kejuaraan Silat Sedunia, Disember lalu.

Bagaimanapun, pertarungan pemenang pingat perak silat sedunia, Normala Yaakob (Gayung Malaysia) dengan Nazrah Latif (Selangor) sebagai pertemuan membalas dendam.

Bulan lalu, Normala tewas kepada pencabarnya itu di Kejohanan Tertutup Selangor, tetapi dipanggil semula untuk mewakili Gayung Malaysia.

Sebelum mara ke akhir, pesilat skuad Sukan SEA itu diasak hebat oleh Ratu Silat Johor, Mahizah Bakri.

Pesilat Johor itu menguasai dua pusingan awal sebelum digugat oleh kelebihan pengalaman Normala di pusingan akhir. Manakala pesilat terbaik dunia, Wan Aminuddin Baki Abu Bakar, juga akan menjawab kewibawaannya pagi ini apabila dicabar oleh pesilat tunggal bukan melayu, M Rajaratnam dari Johor.

Wan Aminuddin dalam dua perlawanan sebelum ini mempamerkan persembahan lembap dan seperti kekurangan latihan setelah tidak diberi perlepasan cuti oleh majikannya menjadi punca kemerosotan itu.

Walaupun kewibawaan pesilat negara bertambah baik pada keseluruhannya, jawapan menentukan kejuaraan akan ditentukan pagi ini.

Selangor, dibarisi ramai pesilat Sukan SEA, mempunyai kelebihan memenangi Plala Perdana apabila menyenaraikan sembilan pesilat ke perlawanan akhir diikuti oleh lima pesilat Kelantan.

Tetapi, Negeri Sembilan, juga tidak menghampakan setelah pesilatnya, Mior Badrulhisham Kamarulzaman dan Amidah Mahat, kedua-duanya dalam Kelas C, mara ke akhir.